



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
KOD KURSUS : DSM 2083
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian: **BAHAGIAN A(100 Markah)**
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan tawaran dan sertakan kes berkaitan.
(6 markah)
- b) Berdasarkan fahaman anda, dalam keadaan bagaimanakah sesuatu kontrak tanpa balasan itu masih boleh dianggap sah di sisi undang-undang?
(6 markah)
- c) Pada awalnya, Marissa bersetuju untuk melakukan pindah milik tanah kepada Anis dengan harga RM5,000 walaupun tanah itu bernilai lebih daripada harga tersebut. Namun, beberapa hari selepas persetujuan dibuat, Marissa merasakan harga tersebut terlalu murah daripada harga pasaran dan enggan untuk melakukan pindah milik dengan alasan bahawa janji itu tidak boleh dikuatkuasakan disebabkan ketakberpadaan balasan.
Nasihatkan Anis.
(13 markah)

SOALAN 2

- a) Nazmi berhutang dengan Fariz sebanyak RM2,000. Fariz pula berhutang dengan Daris sebanyak RM2,000. Fariz meminta Nazmi supaya mengkreditkan Daris sebanyak RM2,000 ke dalam akaunnya, tetapi Daris enggan. Fariz tetap berkeras supaya Daris menuntut hutang daripada Nazmi.

Nasihatkan Daris.

(15 markah)

- b) Jelaskan mengenai pelepasan melalui kemungkiran kontrak.

(10 markah)

SOALAN 3

- a) Alif merupakan seorang ahli perniagaan yang berjaya. Isterinya, Anita dikenali oleh keluarga dan rakan-rakan mereka dengan gaya hidup yang mewah. Anita telah menggunakan kad kredit suaminya untuk menempah perabot mewah *Cellini*. Alif kecewa dengan pembelian perabot itu yang berharga RM 500,000. Dia bertemu Malik, penjual perabot *Cellini* dan menyatakan hasratnya untuk membatalkan tempahan. Malik enggan berbuat demikian kerana beranggapan terdapat hubungan prinsipal dan ejen antara suami dan isteri. Tambahan lagi, transaksi itu adalah sah.

Nasihatkan Alif.

(10 markah)

- b) Borhan diarahkan oleh Hanif untuk menjual kereta miliknya. Borhan kemudian menyerahkan tugas tersebut kepada anak saudaranya, Amar yang pada ketika itu menganggur. Apabila Hanif mengetahui perkara tersebut, dia telah memecat Borhan. Borhan tidak berpuas hati dan ingin mengambil tindakan terhadap Hanif. Nasihatkan Borhan.

(10 markah)

- c) Terangkan secara ringkas penamatan kuasa oleh prinsipal.


(5 markah)

SOALAN 4

- a) Huraikan **tiga (3)** syarat tersirat di bawah Akta Jualan Barangan 1957.
(15 markah)
- b) Jelaskan **dua (2)** waranti tersirat di bawah Akta Jualan Barangan 1957.
(10 markah)

[100 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



1

